

Jangan naikkan KOS rawatan:

PM

Oleh Othman Mamat

ALOR STAR. Jumaat — Kerajaan tidak mahu melihat sebarang kenaikan harga barangan dan perkhidmatan kerana ia akan membebankan rakyat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri menegaskan, kos perubatan juga tidak wajar dinaikkan kerana ia bertentangan dengan hasrat kerajaan yang mahukan semua bayaran perkhidmatan dan harga barang kekal pada paras sekarang.

Beliau berkata, kerajaan sebolehnya mahu harga barang dan perkhidmatan itu sentiasa dikekalkan pada paras sedia ada dan jangan dinaikkan samasekali.

"Saya fikir kerajaan tidak mahu sebarang kenaikan (harga) kerana kita hendak supaya semua harga apa juga (barang dan perkhidmatan) jangan dinaikkan supaya ia tetap di paras sekarang," katanya kepada penerbita di sini hari ini.

Perdana Menteri mengulas cadangan Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) untuk menaikkan kadar bayaran khidmat runding pesakit lebih 100 peratus.

Persatuan itu mencadangkan bayaran RM15 dikenakan bagi rawatan ringan, RM25 (sederhana), RM35 (besar) dan RM50 hingga RM100 bagi rawatan rumit.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Mohd Farid Arifin, membidas langkah MMA menaikkan bayaran khidmat runding itu dan menyifatkannya sebagai tidak beretika dan tidak adil.

Menurut Dr Mahathir, langkah MMA itu memang tidak wajar walaupun pesakit biasanya tidak dikenakan bayaran sebegini tinggi seperti ditetapkan pada harga maksimum.

Bagaimanapun, katanya, sehingga ini, beliau belum mendapat butir sebenar mengenai cadangan itu.

Perdana Menteri berkata, beliau hanya diberitahu bahawa kadar yang disyorkan itu adalah kadar maksimum bagi setiap khidmat runding pesakit.

"Pesakit yang mendapatkan khidmat itu tidak semestinya dikenakan bayaran sebegini tinggi.

"Saya tidak tahu sebenarnya butir mengenai perkara ini. Suruhlah MMA jelaskan apa sebab (mereka) hendak naikkan caj begitu tinggi," katanya.

Dr Mahathir berkata, kebiasaannya bayaran terhadap pesakit yang dikenakan oleh doktor swasta tidak ditentukan oleh MMA, sebaliknya ditetapkan sendiri oleh doktor berkenaan.